

29/01/2003

Sokongan masyarakat kukuhkan suara PM

KUALA LUMPUR: Sokongan seluruh lapisan masyarakat terhadap Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) penting bagi mengukuhkan mandat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan isu keadilan serta keamanan sejagat pada Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM), bulan depan.

Penyelaras Kumpulan Aman Malaysia, Zulkifli Alwi berkata, usaha mendapatkan sokongan pelbagai pihak sama ada melalui kenyataan sokongan serta tandatangan daripada orang ramai penting bagi menyuarakan pandangan rakyat negara ini terhadap isu itu.

Kata beliau, usaha yang dilaksanakan melalui gerakan Aman Malaysia langsung tidak ada kena mengena dengan agenda politik kerajaan, sebaliknya ia adalah gabungan pelbagai NGO daripada pelbagai kumpulan termasuk parti politik, sukarelawan, persatuan belia, pasukan berpakaian seragam, parti politik, badan keagamaan, persatuan pelajar dan profesional.

"Ini bukan agenda politik kerajaan tetapi mandat kepada Dr Mahathir sebagai Pengerusi NAM membawa isu ketidakadilan serta amalan diskriminasi negara kuasa Besar dalam 'Perang Menentang Keganasan' terhadap masyarakat Muslim dan negara Islam," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Melalui gerakan Aman Malaysia, rakyat negara ini perlu menyuarakan kebimbangan mereka terhadap pelancaran 'Perang Menentang Keganasan' oleh Amerika Syarikat yang mengancam keamanan dan keselamatan sejagat dengan menyertai gerakan keamanan itu.

Malah melalui gerakan Aman Malaysia, mesej keamanan sejagat dapat disampaikan dalam NAM yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Satu memorandum yang menggambarkan hasrat serta harapan rakyat negara ini mengenai isu keselamatan dan keamanan sejagat akan disampaikan kepada Perdana Menteri pada 23 Februari ini dalam satu perhimpunan besar-besaran sempena sidang kemuncak keamanan berkenaan.

Zulkifli berkata, gerakan Aman Malaysia terus mendapat sokongan pelbagai pihak apabila lebih 200 pertubuhan Cina di seluruh negara sudah menyatakan komitmen mereka menyokong gerakan keamanan itu.

Beliau berkata, penaung Aman Malaysia, Datuk Hishammuddin Hussein akan mengadakan pertemuan serta perbincangan dengan 200 wakil pertubuhan itu di Dewan Perniagaan Cina Selangor pada Khamis ini.

Selain itu, katanya, Sekretariat Aman Malaysia menjangka lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan akan menyertai gerakan keamanan itu dengan 700

penyertaan NGO menjelang akhir minggu ini.

Mengenai jumlah tandatangan yang berjaya dikumpulkan setakat ini, beliau berkata sehingga pihaknya berjaya mendapatkan 100,000 tandatangan melalui kerjasama Pertubuhan Belia 4B.